

UNISSA lebarkan jaringan kerjasama strategik



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman ketika menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UNISSA dan Islamic University, Kushtia, Bangladesh semasa Majlis Makan Malam bagi meraikan graduan UNISSA sempena Hafiz Al-Takharruj Ke-8 UNISSA.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menyampaikan Pingat Pro-Canselor kepada Awang Mohammad Adika Yusra bin Mohammad Yusof.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mempergiatkan lagi jaringan kerjasama strategik dengan universiti luar negara.

Sehubungan itu, sebanyak tujuh Memorandum Persefahaman (MoU) telah termeterai pada Majlis Makan Malam Graduan sempena Hafiz Al-Takharruj Ke-8 UNISSA yang berlangsung di Songket Hall, Hotel Antarabangsa Rizqun,

Penandatanganan MoU berscrgpca dengan Majlis Hafiz Al-Takharruj Ke-8 UNISSA itu disaksikan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman selaku tetamu kehormat.

Penandatanganan bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfian bin Haji Zainal, manakala mewakili institusi terlibat ialah

pemimpin-pemimpin institusi atau universiti berkenaan.

Universiti Sains Islam Malaysia, ditandatangani oleh Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Musa Ahmad (Vice Chancellor); Islamic University, Kushtia, Bangladesh ditandatangani oleh Profesor Dr. Md. Harun Ur-Rashid Askari (Vice Chancellor); Shendi University, Sudan ditandatangani oleh Profesor Tagelsir Hassan Mohammed Ahmed (Vice Chancellor); Dili University, Timor Leste ditandatangani oleh Jose Agostino Da Costa Belo Pereira (Rektor); Universitas Islam

Negeri Sulthan Thaha Saifuddin Jambi, Indonesia diwakili oleh Profesor Dr. Maisah, M.Pd (Dekan Fakultas Adab dan Humaniora); Sekolah Tinggi Agama Islam Hasan Jufri Bawean, Indonesia ditandatangani oleh Pipin Siutra dan Sekolah Tinggi Agama Islam Darunnajah, Indonesia ditandatangani oleh Drs. H Aunur Rofiq, M.M.

Penandatanganan MoU berkenaan adalah selaras dengan usaha UNISSA untuk memperkenalkan kewujudannya sebagai universiti Islam yang unggul di negara ini

ke dunia luar dan sekali gus melonjakkan reputasi serta kedudukannya pada arena pendidikan dalam dunia global.

UNISSA dalam usaha melebarkan jaringan strategik untuk saling mendapat manfaat bersama institusi lain, mengharapkan lebih banyak kerjasama dalam bidang akademik dapat dilaksanakan, di samping program mobiliti pelajar, penyelidikan, penyelesaian khususnya antara universiti pengajian Islam di rantau Asia Tenggara.

Siap siaga hadapi cabaran



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Makan Malam Graduan sempena Hafiz Al-Takharruj Ke-8 UNISSA berlangsung di Songket Hall, Hotel Antarabangsa Rizqun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 September. - Graduan-graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) diraikan dalam Majlis Makan Malam Graduan sempena Hafiz Al-Takharruj Ke-8 UNISSA berlangsung di Songket Hall, Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Dalam ucapan Pemangku Penolong Rektor UNISSA, Dr. Abd. Nasir bin Haji Abd. Nasir menasihatkan kepada para graduan supaya sentiasa siap siaga menghadapi apa jua cabaran mendatang, sekali gus memenuhi ekspektasi kepimpinan negara,

dalam usaha mengejar keamanan, kemakmuran, dan kemajuan.

Beliau berharap, langkah lulusan UNISSA tidak akan terhenti di sini, bahkan akan terus gigih berusaha tanpa berputus asa menimba ilmu, mempertingkatkan kemahiran dan pengalaman dalam pelbagai bidang, dan memperlebar jaringan sosial di samping para graduan juga perlu menjadi quoduh hasanah dalam usaha menerapkan nilai-nilai murni untuk diteladani masyarakat.

Pada tahun ini jelasnya, setelah sedekad penubuhan UNISSA, buat kali pertama Pingat Pro-Canselor dianugerahkan kepada scorang graduan telah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh universiti, dengan melihat kepada

pencapaian mereka secara holistik, yang merangkumi kecerdasan akademik, penglibatan aktif dalam aktiviti di dalam dan di luar kampus, dan penglibatan aktif dalam khidmat kemasyarakatan, serta memiliki sahsiah sebagai graduan sebuah universiti Islam.

Sementara itu, hadiah buku pula diberikan kepada pelajar cemerlang dalam satu-satu program yang diikuti berdasarkan tahun pengajian dan fakulti masing-masing.

Pada majlis itu, seramai 46 orang menerima pingat dan hadiah-hadiah Buku Universiti disampaikan oleh tetamu kehormat.

Awang Mohammad Adika Yusra bin Mohammad Yusof dalam

Bantu kesan pekerja asing lari

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 September. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja lari daripada majikan.

Pekerja perempuan tersebut bernama Lis Susanti, berumur 24 tahun, pemegang kad / pasport 51-433262 (Hijau) berbangsa Indonesia.

Jika sesiapa mempunyai sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Pusat Daerah Polis Brunei Muara melalui talian telefon +673 2242334 dan Hotline 993 atau mana-mana Balai Polis berdekatan.



Lis Susanti, berumur 24 tahun, pemegang kad / pasport 51-433262 (Hijau) berbangsa Indonesia lari daripada majikan.

jurusar Sarjana Muda Sains Dalam Kewangan Islam menerima pingat Pro-Canselor, manakala menerima Pingat Rektor iaitu Dayang Nurul Amira Afiqah binti Khairuddin dari jurusan Sarjana Muda Usuluddin (Tafsir & Hadis).

Majlis juga menyaksikan penandatanganan tujuh Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang pengajaran dan penyelidikan antara UNISSA dengan beberapa universiti luar

negara.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datuk Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfian bin Haji Zainal; Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, pegawai-pegawai kanan, perwakilan institusi pengajaran tinggi dalam dan luar negara.